

Peranan Mahasiswa dalam membentuk masyarakat harmoni.

Malaysia terkenal dengan salah satu Negara yang masyarakatnya berbilang bangsa, kaum dan agama iaitu majoriti masyarakatnya terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Bukan itu juga, Malaysia juga mempunyai pelbagai kaum etnik yang berbilang kaum. Seramai 80 ribu kaum etnik terdapat di Malaysia ini. Salah satu kaum etnik terbesar di Malaysia ialah kaum Melayu. Kaum Melayu merupakan kaum terbesar di Malaysia kerana, orang Melayu terkenal akan sifat peramah dan kebudayaan seni orang Melayu yang sangat kaya.

Umumnya, setiap kaum di Malaysia ini mempunyai cara dan adat yang berlainan. Akan tetapi, ia tidak sama sekali meruntuhkan hubungan antara pelbagai kaum. Malahan, ia menjadikan hubungan antara kaum menjadi semakin erat kerana mereka boleh mengenali akan budaya – budaya atau adat walaupun bukan dari bangsa mereka sendiri. Hal ini menjadikan, rakyat Malaysia semakin erat antara satu sama lain. Selain itu, wujudnya pelbagai budaya juga dapat menjadikan mereka sebagai kaum yang bersatu padu, bekerjasama dan harmoni. Hal ini dapat dilihat, pada musim perayaan atau segala percutian di Malaysia, tidak kira kaum dan bangsa.

Dalam erti kata lain, Malaysia meletakkan sifat perpaduan yang utama agar Malaysia dapat menjadi sebuah Negara yang aman dan harmoni. Hal ini dapat menjadikan nama Malaysia lebih dikenali sebagai Negara yang mana rakyatnya sentiasa bersifat bersatupadu dan bekerjasama secara aman dan harmoni walaupun melakukan secara berbilang agama bangsa dan kaum. Jika dibandingkan dengan Negara luar, terdapat pelbagai peselisihan yang telah berlaku di antara kaum terutamanya dalam isu agama, sosial, ekonomi dan lain-lain. Hal ini tercetus bila, sebuah Negara itu tidak meletakkan sifat perpaduan sebagai syarat utama dalam kalangan rakyat ataupun kaum. Selain itu, jika dibiarkan sifat ini berlaku, ia akan menjejaskan ekonomi Negara dan dipandangan rendah oleh Negara- Negara

Justeru, sejak Negara menikmati arus kemerdekaan, salah satu usaha yang dapat dibangkitkan dan diwujudkan bersama-sama ialah menyatupadukan setiap kaum agar dapat menjadikan hubungan silaturrahim menjadi lebih erat. Oleh kerana itu, peranan di kalangan rakyat Malaysia sangat penting bagi memupuk semangat akan perpaduan di Negara ini. Antara peranan-peranan yang penting, dalam mewujudkan semangat perpaduan ini ialah, sebagai seorang mahasiswa, salah satu sifat yang perlu ada ialah sifat saling hormat - menghormati kerana dapat mewujudkan masyarakat yang lebih penug perpaduan dan sejahtera sentiasa. Sifat ini dianggap sebagai sifat yang murni dan sentiasa digalakkan pada setiap agama mahupun bangsa, kaum dan sebagainya.

Kesannya, sekiranya anda sebagai seorang mahasiswa jika anda menunjukkan sifat yang tidak baik pada masyarakat luar atau kaum anda sendiri, maka masyarakat luar akan menganggap anda sebagai mahasiswa yang teruk dan tidak meletakkan sifat perpaduan dalam diri anda dan ini dapat menjejaskan nama buruk Institusi pengajian. Oleh itu, salah satu contoh yang dapat diikuti ialah menghormati rakan-rakan anda yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Hal ini supaya, setiap mahasiswa dapat mewujudkan pelbagai-bagai perkara atau aktiviti bersama-sama walaupun berbilang kaum dan agama. Dengan cara ini, ia dapat menjadikan mahasiswa belajar dalam suasana yang aman, damai dan harmoni, seperti kata pepatah muafakat membawa berkat.

Tambahan pula, sifat terbuka perlu diwujudkan pada setiap kalangan mahasiswa. Ini kerana, sifat ini juga dapat menyemaikan sifat perpaduan antara kaum-kaum yang lain. Sifat ini dianggap penting kerana, mahasiswa tidak boleh hanya mengkhususkan satu kaum sahaja malah mahasiswa perlu memikirkan kaum-kaum yang lain supaya wujudnya sifat perpaduan kaum antara mereka. Sebagai mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif dan berjaya, mahasiswa perlu menyiapkan diri dengan semaksimum yang mungkin bagi membentuk peribadi atau menjadikan mahasiswa bersifat yang lebih berwawasan dan berfikiran secara luas. Hal ini, dapat menjadikan mahasiswa supaya dapat menjadi seorang pemimpin dimasa hadapan yang sentiasa bersifat terbuka dan dapat memimbing rakyat agar terus mengekalkan sifat perpaduan antara kaum.

Dalam pada itu, sifat-sifat negatif seperti lesu, longlai, hasad dengki dan tidak aktif perlu dibuang jauh-jauh dalam diri mahasiswa dan mengambil sifat-sifat yang positif seperti proaktif, progresif dan sebagainya. Ini kerana, sekiranya mahasiswa mengekalkan sifat-sifat negatif tersebut di dalam diri mereka, ia tidak akan menjadikan mahasiswa yang maju dan sentiasa dihadapan. Maka dengan itu, mahasiswa perlu melakukan sesuatu anjakan paradigm dengan mengubah sifat negatif menjadi positif dalam membentuk penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan. Konsep penguasaan ilmu ini, perlu ada dalam kalangan mahasiswa dan menanamkan di fikiran mereka bahawa bukan segulung ijazah menjadi keperluan utama dalam membentuk masyarakat yang berjaya.

Seterunya, mahasiswa perlu bangkit dan sedar akan tanggungjawab bagi memastikan pusat pengajian sentiasa aman dan harmoni dengan memupuk semangat perpaduan kaum. Hal ini dapat, dapat menjadikan pencapaian akademik, sosial bumiputera dan bukan bumiputera agar terus mencapai ke tahap yang lebih tinggi jika ianya dikawal dengan berhemah dan berada di landasan yang betul. Hal ini demikian kerana, jika mahasiswa tidak mengekalkan semangat perpaduan kaum antara satu sama lain maka ianya mengingatkan tentang tragedi 13 Mei 1969. Oleh itu, mahasiswa dipertanggungjawabkan untuk sentiasa mengekalkan perpaduan kaum dan sentiasa mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan mahasiswa sentiasa mempunyai minda yang bersifat positif. Oleh itu, perpaduan di institusi perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana, dikhuatiri hanya luaran mahasiswa sahaja yang mempunyai sifat perpaduan tapi disebalik dalamnya tersimpan seribu dendam dan sifat yang negatif. Selain itu kerajaan dan masyarakat juga perlu memainkan peranan yang penting dengan mengadakan atau menyertai segala aktiviti-aktiviti yang menyatupadukan pelbagai bilangan kaum, bangsa dan agama. Dengan cara ini, dapat menjadikan mahasiswa, saling memahami antara satu sama lain, serta menghargai budaya kaum lain dan saling bertukar pendapat dan bersama-sama berganding bahu bagi menyelesaikan masalah-masalah yang akan datang.

Mahasiswa merupakan seorang modal insan yang berjaya yang dianggap oleh setiap masyarakat bagi memastikan Negara sentiasa maju dihadapan dalam pelbagai bidang tidak kira dalam bidang pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Mahasiswa menjadi tunjang Negara bagi menjadikan perubahan Malaysia supaya lebih maju dan mencapai wawasan. Sebagai mahasiswa yang seorang modal insan dan sentiasa bertanggungjawab, mahasiswa perlu sentiasa memikirkan perubahan dalam sesebuah Negara dan dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Oleh itu, mahasiswa perlu keluar dari zon selesa atau santai, bagi merobos ke ruang ilmu pengetahuan yang lebih luas.

Akhirnya, mahasiswa sentiasa meletakkan kesedaran yang tinggi pada setiap diri masing-masing dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan. Harus diingatkan kepada mahasiswa, banggunya generasi yang akan datang bermulanya dari sekarang. Jika kita tidak mahu generasi kita terus rosak dan dianggap buruk oleh masyarakat, mulai sekarang kita perlu melakukan perubahan agar kita tidak menyesal di kemudian hari. Oleh itu, berfikiran profesional perlu ada dalam setiap diri yang bergelar mahasiswa agar dapat memperolehi sifat profesionalisme di dalam semua aspek. Aspek paling penting bagi peranan mahasiswa bagi menjadikan masyarakat harmoni ialah , kualiti mahasiswa yang mampu menyumbang dan memperbaiki generasi pada masa hadapan. Kualiti haruslah dianggap sebagai suatu perlumbaan yang sihat, dan bukannya dalam garisan penamat. Kualiti sekarang telah dianggap berada di zon tidak selamat bak peribahasa ibarat telur di hujung tanduk. Oleh itu, mahasiswa yang mempunyai segala sifat-sifat diatas, akan dapat menjadikan Negara yang lebih sentiasa maju dihadapa dan menjadikan Negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Rujukan

1. Dinamika Malaysia
2. Berita Harian
3. Metro
4. Utusan Malayya
5. Pengajian Malaysia